

21/07/2001

3R kembali di TV3, Astro

PROGRAM majalah yang mengutarakan isu wanita muda, 3R kembali ke TV3 dan Astro untuk musim ketiga mulai 8 Julai lalu. Musim baru ini menjanjikan topik lebih menarik untuk anda berusia antara 17 hingga 25 tahun.

Program ini pertama kali ke udara dari Julai hingga Februari tahun lalu, dengan 26 episod. Rancangan ini disiarkan di TV3 pada hari Ahad, jam 7 malam dan di Astro Ria pada Jumaat, jam 7 malam dan Ahad, jam 1 petang.

Selain mendalami isu semasa, 3R juga memaparkan segmen kegiatan wanita muda, profil tokoh wanita dalam pelbagai bidang dan pengetahuan asas teknologi informasi.

Sebagai pembuka tirai, tiga pengacaranya, Azah Yazmin Yusof, Rafidah Abdullah dan Low Ngai Yuen akan mencuba pelbagai cara mencari jejak idaman. Kesudahannya memang menarik. Mereka juga akan bertemu dengan beberapa feminis lelaki, berlawan memasak dengan personaliti lelaki sambil membincangkan isu peranan gender dan bertemu bual dengan Perdana Menteri untuk mencungkil peribadinya.

Penerbit Eksekutif program itu, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, "Musim pertama tahun lalu mendapat sambutan menggalakkan di seluruh negara. Daripada maklum balas, penonton berasakan isu yang dipaparkan adalah relevan dan mereka inginkan lebih banyak maklumat."

3R juga masih boleh dilayari di Internet dan penonton boleh memberikan maklum balas melalui www.3r.com.my. Penonton juga mungkin berpeluang berinteraksi dengan pengacara melalui perbualan di Internet, bengkel, pertunjukan pentas dan slot radio.

(END)